

# Tindakan ketenteraan ke atas Iraq tidak adil

UM 20 JUL 2002

KUALA LUMPUR 19 Julai Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa hasrat Amerika Syarikat (AS) untuk menegenakan tindakan ketenteraan ke atas Iraq dalam usaha menyingkirkan Presiden Saddam Hussein adalah salah, tidak adil dan tidak demokratik.

Perdana Menteri menegaskan sebagai negara yang menjunjung keadilan dan demokrasi, Malaysia menentang sebarang cubaan untuk menukar tampuk pemerintahan sesebuah negara oleh kerajaan negara lain walaupun melalui kuasa ketenteraan.

"Malaysia fikir ini merupakan tindakan yang salah, tidak adil dan tidak demokratik. Kita tidak fikir kerajaan negara lain walau sekuat mana sekali pun, mempunyai hak untuk menukar kerajaan negara lain.

"Kita berdoa dan berharap ia tidak akan berlaku kerana ia akan menyukarkan kita untuk memperlihatkan wajah Islam yang sederhana (jika serangan dilancarkan)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Profesor Antropologi Universiti Boston AS, Robert Hefner pada sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif) 2002 di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya kesan ke atas usaha berterusan Malaysia menonjolkan imej Islam yang sederhana dan berpandangan jauh. Jika pentadbiran Presiden George W. Bush menyerang Iraq.

Bush baru-baru ini dilaporkan mengumumkan yang AS akan menggunakan segala kelengkapan yang ada untuk menggulingkan Saddam Hussein.

Mengulas lanjut, menurut Dr. Mahathir, tindakan ketenteraan ke atas Iraq hanya akan menyebarkan kebencian di kalangan

rakyat negara itu yang menjadi mangsa perbalahan antara AS dan Saddam.

"Terpulang kepada rakyat Iraq untuk menukar kerajaan mereka jika boleh, tetapi mereka tidak boleh. Namun jika mereka tidak boleh melakukannya, tidak adil untuk menghukum mereka," katanya.

Dr. Mahathir turut memersoalkan kenapa AS hanya memberi tumpuan ke atas Iraq sedangkan ada negara lain di Eropah misalnya yang lebih patut menukar kerajaan.

Memandangkan fokus AS hanya ke atas Iraq, menurutnya, sudah tentu tindakan itu akan menyebarkan kebencian kerana ia menambah penderitaan ke atas rakyat negara itu.

## Menangani

Menjawab soalan Dr. Mona Abaza dari Universiti Amerika di Kaherah, Mesir, mengenai cara menaani isu Palestin, Perdana Menteri menegaskan ia merupakan pertikaian wilayah dan bukan masalah agama.

Beliau menarik perhatian kepada sejarah Eropah bagaimana umat Islam dan Yahudi pernah tinggal bersama dengan harmoni termasuk di Palestin, sebelum masalah tercetus.

"Di negara-negara Islam, mereka dihormati dan bebas mengamalkan kepercayaan yang dianuti malah agama Islam menghalalkan umatnya memakan binatang sembelihan orang Yahudi," katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, selepas Israel mengambil tanah orang Palestin secara paksa, konflik antara umat Islam dan Yahudi pun bermula.

Malah, tambahnya, pertikaian di antara kedua-duanya semakin memuncak dan jangka terus meningkat selagi Palestin dinafikan hak ke atas wilayah mereka.

Mengenai soal perbezaan umat Islam di Asia Tenggara dan negara Arab yang turut dibangkitkan oleh Dr. Mona, Perdana Menteri berkata:

"Umat Islam di Asia Tenggara boleh bekerja, bekerjasama dan hidup dengan bukan Islam berbanding dengan saudara seagama di bumi Arab.

"Ini kerana, penduduk rantau ini terdiri daripada berbilang kaum dan agama manakala di negara-negara Arab, majoriti penduduknya adalah umat Islam dan ini mengurangkan ruang berinteraksi dengan bukan Islam," katanya.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir melahirkan kebimbangan kerana budaya kurang interaksi dengan bukan Islam kini semakin menular di rantau ini.

Menjawab soalan Pengarah Akademik Institut Antarabangsa Mengenai Pengajian Islam Dalam Dunia Moden (ISIM) Belanda, Dr. Muhammad Khalid Masud berhubung konsep ummah, Dr. Mahathir percaya ia masih lagi relevan.

Walaupun umat Islam terpisah mengikut negara masing-masing, beliau berpendapat sebagai ummah, perasaan dan tindakan berhubung sesuatu isu masih dikongsi bersama.

"Kita semua merasa marah mengenai isu Palestin, tetapi kita tidak bersetuju mengenai cara untuk menangani masalah itu," katanya.

Menurut beliau, kegagalan umat Islam menangani isu-isu yang membelenggu ummah telah menyebabkan mereka kehilangan pengaruh di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun Dr. Mahathir percaya konsep ummah masih wujud kerana apabila sesuatu menimpa umat Islam seperti di Bosnia, kesengsaraan mereka turut dirasakan oleh saudara seagama di seluruh dunia.